

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

SOALAN

TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sektor dan bilangan syarikat/perniagaan asing dan domestik yang telah berhenti operasi sejak 1 Januari 2020 sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tempoh Januari 2020 sehingga September 2021, terdapat 31 buah syarikat pengilangan telah menutup operasinya di Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sepuluh buah syarikat adalah syarikat milik asing sepenuhnya, sepuluh buah syarikat adalah milik tempatan sepenuhnya dan selebihnya, adalah syarikat usahasama milik asing dan tempatan.

Sektor besi keluli dan mesin adalah sektor industri yang paling terjejas di mana melibatkan 10 syarikat, diikuti oleh sektor tekstil (empat syarikat), sektor makanan (dua syarikat) dan lain-lain sektor (15 syarikat).